

SKIM PERKHIDMATAN

PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI

- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PENDIDIKAN**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA/PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
- GRED JAWATAN/GAJI** : **DH29, DH31/32, DH33/34, DH39/40, DH41/42, DH43/44, DH47/48, DH51/52, DH53/54**
- TARIKH KUAT KUASA** : **1 JULAI 2016**
- SYARAT LANTIKAN** : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DH29

(c) (i) diploma dalam bidang perguruan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi perguruan tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29:RM1,698.00);
atau

(ii) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29: RM1,770.95);
atau

(iii) diploma dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29: RM1,844.44);
atau

(iv) diploma dalam bidang pertanian, kejuruteraan, seni bina, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan, seni bina landskap atau perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29:RM1,844.44);
atau

- (v) diploma dalam bidang pertanian, kejuruteraan, seni bina, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan, seni bina landskap atau perancangan bandar dan wilayah daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29: RM1,917.94).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DH41

- (d) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,289.73);
atau

- (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,391.94);
atau

- (iii) ijazah sarjana muda kepujian dengan pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,391.94);
atau

- (iv) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,391.94);
atau

- (v) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,494.14);
atau

- (vi) Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM2,391.94);
atau

- (vii) Ijazah Sarjana Sains Pertanian daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM2,494.14);
atau

- (viii) ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan, seni bina landskap atau perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM2,494.14);
atau

- (ix) ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan, seni bina landskap atau perancangan bandar dan wilayah daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM2,596.35);
atau

- (x) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM2,698.56);
atau

- (xi) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM2,800.77);
atau

- (xii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM2,902.98);
atau

(xiii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM3,005.19);
atau

(xiv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan berdaftar sebagai Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM3,005.19);
atau

(xv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan berdaftar sebagai Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan berserta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM3,107.40);
atau

(xvi) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM3,107.40);
atau

(xvii) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM3,209.60);
atau

(xviii) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM2,800.77);
atau

(xix) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM2,902.98);
atau

(xx) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM3,107.40);
atau

(xxi) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM3,209.60).

- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : 2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c) dan 1(d) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN 4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN 5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA 6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN 7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN 8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI 9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT 10. Pegawai layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan dan berdasarkan syarat umum/ khusus pemangkuan/ kenaikan pangkat yang ditetapkan.

Nota:

Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi yang berkuat kuasa pada 1.1.2008 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 33 Tahun 2007).